

Solarvest anjur program usahawan teknologi hijau

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#) - Oktober 11, 2021 @ 2:43pm

hazwanfaisal@mediaprima.com.my



KUALA LUMPUR: Solarvest Holdings Bhd melancarkan Solarvest Innovation Lab 2021 (SIL 2021), program permulaan untuk memacu inovasi dan pembangunan keusahawanan di Malaysia dengan penekanan khusus pada tenaga boleh diperbaharui (RE), teknologi hijau dan teknologi kewangan (fintech).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Davis Chong Chun Shiong, berkata pihaknya memperuntukkan sejumlah RM1 juta untuk membiayai dana program yang julung kali diadakan itu.

Katanya, sebagai pemimpin industri dan penyokong tenaga baharu, inovasi telah selalu menjadi salah satu prinsip utama dalam semua perkara yang syarikat lakukan.

"Melalui SIL 2021, kami teruja untuk meneroka potensi syarikat pemula yang mempunyai pemikiran seperti idea transformasi yang boleh berpotensi mencetuskan pertumbuhan pesat ke dalam industri RE dan fintech.

"Sehubungan itu, kami menyasarkan untuk memperuntukkan dana RM1 juta ke dalam program ini buat masa ini, tetapi dengan lebih ramai rakan niaga menyertai program ini, kami merasakan dana untuk program ini mampu dikembangkan lebih lanjut.

"Kami juga ada mengadakan perbincangan dengan agensi kerajaan atau kementerian dan ada yang menunjukkan minat untuk terbabit bersama-sama dan sedang berusaha untuk mendapatkan geran padanan atau apa-apa berkaitan bagi meningkatkan lagi saiz dana untuk SIL 2021," katanya pada sidang media pelancaran program itu secara maya hari ini.

Mengulas mengenai program itu Chun Shiong berkata, ia dipecahkan kepada dua pusingan pembiayaan iaitu pendanaan awal (seed funding) yang disasarkan pada syarikat pemula yang mempunya idea perniagaan yang menarik tetapi masih belum dikomersilkan serta pendanaan pemecut (accelerator funding).

"Pihak yang berjaya akan menerima seed funding berjumlah sehingga RM10,000 bagi pembuktian konsep dalam tempoh enam bulan dan calon layak untuk mengambil bahagian dalam pertandingan seterusnya.

"Setelah idea mereka terbukti dapat dilaksanakan, mereka berpotensi menerima dana pemecut berjumlah RM100,000, namun dengan tukaran peratusan pemilikan tertentu dalam syarikat itu," katanya.

SIL 2021 juga akan menyediakan bengkel perniagaan khas, bimbingan perniagaan dan tempat kerja fizikal.

Tambahnya, bagi perniagaan yang sudah mempunyai pembuktian konsep, dapat terus melangkaui pusingan pembiayaan awal untuk meminta dana pemecut secara langsung.